NEGERI SELANGOR

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE*
*PUBLISHED BY AUTHORITY*

| | | |
|---|---|---|
| Jil. 48<br>No. 24 | **23hb November 1995** | *TAMBAHAN No. 23*<br>*PERUNDANGAN* |


**Sel. P.U. 44.**

ENAKMEN PENTADBIRAN PERUNDANGAN ISLAM 1989

FATWA TENTANG ILMU TAJALI AHMAD LAKSAMANA (HAKIKAT INSAN)

*En. 2/1989.*

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 31(1) dan seksyen 32, Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam 1989, Mufti bagi Negeri Selangor selepas berbincang dengan Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' membuat fatwa seperti yang dinyatakan dalam Jadual.

**JADUAL**

(1) Ilmu Tajali atau Ilmu Hakikat Insan ajaran Ahmad Laksamana dan-

(a) buku "Hakikat Insan" yang di tulis oleh Haji Ahmad Laksamana;

(b) buku "Rahsia Mengenal Diri" yang ditulis oleh Ustaz Hal Azwan;

(c) buku-

(i) "Rahsia Hakikat Insan"; dan

(ii) "Cara Mengenal Diri", yang ditulis oleh Imam Al-Soouti,

didapati mengandungi ajaran-ajaran yang meragukan dan bercanggah dengan ajaran Islam. Oleh yang demikian, orang-orang Islam dilarang menyebarkan, mengajar, belajar dan mengamalkan ajaran itu.

(2) Orang-orang Islam, di mana-mana jua berada,yang telah belajar dan mengamalkan ajaran Ilmu Tajali atau Ilmu Hakikat Insan ajaran Ahmad Laksamana hendaklah meninggalkan ajaran itu dan segera bertaubat serta memohon keampunan kepada ALLAH Subhanahu Wata'alla.

(3) Orang-orang Islam tidak boleh menjual, mengedar, membeli atau memiliki buku-buku yang tersebut dalam perenggan (1)

Dibuat pada 19hb Oktober 1995

Made the 19th October 1995
[JAI. Sel. 8014/7 Jilid IV; P.U. Sel. AGM/0007.]

S.S. DATO' HAJI ISHAK BIN HAJI BAHAROM
*Mufti*
*Negeri Selangor*